

How to cite this article:

Fakhruddin, F. M., Che Ishak, S., & Asmawati, S. (2020). Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311-340.

## **PROSES DAN KAEDAH PEMBELAJARAN TAHFIZ DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN DI MALAYSIA**

### ***(PROCESS AND METHOD OF TAHFIZ LEARNING AMONG STUDENTS IN MALAYSIAN GOVERNMENT RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS)***

**<sup>1</sup>Fathiyah Mohd Fakhruddin, <sup>2</sup>Sharini Che Ishak, <sup>3</sup>Asmawati Suhid,**

**<sup>4</sup>Ahmad Fauzi Mohd Ayub, <sup>5</sup>Norlizah Che Hassan, <sup>6</sup>Lukman Abd Mutalib & <sup>7</sup>Wan Marzuki Wan Jaafar**

*<sup>1-3</sup>Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan,*

*<sup>4&5</sup>Jabatan Asas Pendidikan,*

*Fakulti Pengajian Pendidikan,*

*Universiti Putra Malaysia, Malaysia*

*<sup>6</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang,*

*Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia*

*<sup>7</sup>Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling,*

*Fakulti Pengajian Pendidikan,*

*Universiti Putra Malaysia, Malaysia*

*<sup>1</sup>Corresponding author: fathi@upm.edu.my*

---

**Received:** 7/2/2019    **Revised:** 31/3/2020    **Accepted:** 15/5/2020    **Published:** 31/7/2020

### **ABSTRAK**

**Tujuan** - Kajian ini dijalankan bagi menerokai proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. Kajian lampau menunjukkan terdapat masalah pencapaian hafazan dalam kalangan murid tahfiz berpunca daripada kelemahan memilih kaedah pembelajaran yang sesuai.

**Metodologi** - Pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes dipilih kerana ia dapat meneroka secara terperinci kes atau fenomena yang

khusus iaitu proses dan kaedah pembelajaran tahfiz yang digunakan oleh murid. Teknik persampelan bertujuan digunakan bagi memilih peserta kajian yang dapat menjawab persoalan kajian. Seramai 12 orang murid terlibat sebagai peserta kajian dan disokong dengan data daripada enam orang guru. Temu bual mendalam secara individu merupakan kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan pandangan dan pengalaman peserta kajian tentang proses dan kaedah pembelajaran tahfiz.

**Dapatan** - Dapatan menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran tahfiz yang digunakan oleh peserta kajian merangkumi enam kaedah; kaedah membaca, pengulangan, penguasaan hukum tajwid, penggunaan satu mushaf khas, kaedah kefahaman dan kaedah penulisan. Manakala proses pembelajaran tahfiz berdasarkan dapatan menunjukkan peserta kajian memberi tumpuan kepada empat aspek iaitu disiplin daripada pengurusan masa, aspek pemilihan tempat, pemilihan masa serta aspek kelas bimbingan.

**Kepentingan** - Kajian ini memberi implikasi penting kepada pihak yang membangunkan sekolah aliran tahfiz, pihak sekolah dan guru tahfiz. Hal ini penting bagi mereka untuk memberi fokus kepada proses dan kaedah pembelajaran yang sesuai, berkesan dan menekankan aspek kefahaman dan hafazan. Kedua-dua aspek tersebut penting bagi membantu pencapaian hafazan khususnya murid yang berada di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia.

**Kata kunci:** Pendidikan tahfiz, pembelajaran tahfiz, kaedah pembelajaran, proses pembelajaran.

### **ABSTRACT**

**Purpose** - *This research was conducted to explore the process and methods of tahfiz learning among students in government religious secondary schools in Malaysia. Past studies showed that there were quite some problems regarding memorisation achievement among tahfiz students due to poor selection of the suitable learning methods.*

**Methodology** - *A qualitative approach with case study design was chosen to explore in detail the specific case or phenomenon of process and methods of learning used by the students. Purposive sampling*

*technique was used to select participants in answering the research questions. Twelve tahfiz students were involved as participants and supported by six tahfiz teachers. In-depth individual interview was used as data collection technique to obtain views and experiences from the participants.*

**Findings** - *Data showed that the methods of learning comprised of six methods; reading, repetition, mastery on tajwid knowledge, usage of specific mushaf, understanding as well as writing. The findings also showed that in the process of learning the participants focused on four aspects; disciplinary aspect of time management, selection of place and time to memorise as well as counseling class.*

**Significance** - *This research gives a clear implication for those who develop tahfiz schools, schools and teachers of tahfiz to focus on the suitable and effective process and methods of tahfiz learning that emphasise on understanding and memorization. These two aspects are important in assisting achievement of memorization among tahfiz students especially those who study at the government religious secondary schools in Malaysia.*

**Keywords:** *Tahfiz education, tahfiz learning, methods of learning, process of learning.*

## PENGENALAN

Selari dengan perkembangan pendidikan kini, pendidikan tahfiz di Malaysia turut berkembang dengan penubuhan sekolah tahfiz sama ada tahfiz kerajaan mahupun swasta yang memperlihatkan perkembangan positif. Perkembangan pesat pendidikan tahfiz terjadi berikutan permintaan tinggi daripada masyarakat yang memilih aliran tahfiz sebagai pilihan pendidikan anak-anak. Buktinya, bilangan permohonan ke sekolah dan institusi tahfiz sangat menggalakkan sama ada di tahfiz persendirian atau di bawah kelolaan kerajaan (Ahmad, 2015; Mustafa & Md Sawari, 2018). Pihak kerajaan sendiri menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis dan Jabatan Agama Islam negeri dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengambil inisiatif membangunkan beberapa sekolah aliran tahfiz. Sebagai contoh, MARA menubuhkan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab, Yayasan Islam Terengganu menubuhkan rangkaian Sekolah Menengah IMTIAZ, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

membangunkan Maahad Integrasi Tahfiz Sains, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pula mendirikan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) dan selanjutnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menubuhkan beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang melaksanakan aliran Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) (Mohd Ayub, Che Hassan, Abd Mutalib & Jaafar, 2018). Inisiatif tersebut dilakukan dengan harapan agar pendidikan tahfiz dapat melahirkan murid yang bukan sahaja cemerlang daripada segi akademik tetapi juga cemerlang sahsiah diri dengan nilai tahfiz dan agamanya. Namun begitu, antara perkara penting yang perlu diberi perhatian selain daripada perkembangan pesat sekolah tahfiz ialah aspek pembelajaran murid. Bagaimanakah proses pembelajaran dan apakah kaedah pembelajaran yang digunakan murid akan dapat membantu merealisasikan matlamat penubuhan sekolah berkenaan? Justeru, kajian ini akan meneroka secara khusus proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan yang menawarkan aliran tahfiz. Pemilihan murid daripada sekolah menengah agama kerajaan sahaja dilakukan kerana kurikulum yang ditawarkan meliputi kurikulum tahfiz dan kurikulum pendidikan kebangsaan yang seragam serta selari dengan kurikulum arus perdana negara. Oleh sebab itu, sekolah tahfiz swasta atau persendirian tidak dilibatkan dalam kajian ini kerana sekolah terbabit menawarkan sistem pengajian dan kurikulum yang berbeza dan akan memberi perbezaan gambaran daripada segi proses dan kaedah pembelajaran yang digunapakai oleh murid.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia di kebanyakan negeri lazimnya bergerak dengan haluan sendiri berdasarkan kemunculan sekolah tahfiz swasta, tahfiz kerajaan dan sekolah tahfiz rakyat. Rentetan daripada itu, timbul masalah ketidakseragaman kaedah pembelajaran tahfiz di setiap negeri malah di setiap sekolah terbabit (Hashim, 2010). Ketidakseragaman kaedah pembelajaran tahfiz boleh membawa kepada masalah yang lain pula, iaitu aspek pencapaian hafazan murid. Oleh itu, kajian ini dapat membantu untuk menyelaraskan kaedah pembelajaran tahfiz yang sesuai dan berkesan serta membantu meningkatkan pencapaian hafazan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. Kesesuaian kaedah sangat membantu murid untuk meningkatkan kualiti hafazan.

Oleh itu, kepakaran guru tahfiz sangat penting bagi membimbing murid untuk menggunakan kaedah pembelajaran yang berkesan dan sesuai (Yahaya, Rasheed & Selamat, 2018). Sebagai contoh, kaedah Al-Hafiz oleh Mohd Shafie dilihat praktikal bagi mempercepatkan hafazan namun ternyata ia lebih sesuai untuk murid yang berada dalam aliran tahfiz semata-mata tanpa ada kurikulum kebangsaan atau akademik (Ismail, Mohamad, Tengku Puji & Yusof, 2017).

Seterusnya, kajian lepas menunjukkan masalah pencapaian murid dalam tahfiz al-Quran seperti dinyatakan oleh Jemali dan Hafidz (2003) iaitu sebanyak 60% daripada pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam tempoh enam semester. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Hashim (2010) terhadap penilaian pencapaian pelajar tahfiz di Darul Quran dan MTQN. Beliau mendapati bahawa pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar, menghafaz al-Quran dengan memahami maksud ayat, menghafaz al-Quran dengan mengetahui *asbab nuzul* dan menghafaz al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Dapatan ujian *syafawi* pula jelas menunjukkan bahawa pencapaian mereka dalam aspek kelancaran hafazan al-Quran masih lemah. Begitu juga dengan hasil dapatan ujian kefahaman menunjukkan kemahiran pelajar mengeluarkan ayat-ayat tertentu berdasarkan hukum adalah lemah. Selain itu pencapaian pengekal terhadap hafazan turut berada pada tahap yang lemah. Dalam konteks pendidikan tahfiz di peringkat menengah, dapatan kajian Mardhiah sebagaimana yang dipetik oleh Yahaya et al. (2018) menunjukkan hampir separuh pelajar MRSM Ukul Albab tidak dapat menamatkan hafazan sehingga tamat tingkatan 5. Antara faktor yang telah dikenal pasti menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini ialah kelemahan dalam kaedah pembelajaran tahfiz serta guru yang masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran mereka (Abdul Rahim, Borham, Hashim & Hashim, 2008; Hashim, 2010).

Kajian lampau berkaitan pendidikan al-Quran banyak tertumpu kepada kemahiran membaca al-Quran (Nordin, 2000; Hani, 2000; Ahmad, 2000; Mat Salleh, 2007; Che Noh, 2004). Manakala kajian lepas berkaitan pendidikan tahfiz pula memberi fokus kepada aspek pencapaian hafazan peringkat diploma (Jemali & Hafidz, 2003; Hashim, 2010) serta kaedah pembelajaran hafazan seperti kajian oleh Hashim, Jemali, Tamuri dan Che Noh (2014). Oleh itu,

kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif bagi memberi tumpuan kepada kaedah pembelajaran tahfiz dan prosesnya dalam kalangan murid yang berada di sekolah menengah agama kelolaan kerajaan. Hal ini penting agar ia dapat dijadikan panduan oleh individu yang terlibat dalam bidang yang sama. Ini juga dapat memberi panduan kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran tahfiz yang sesuai dan berkesan.

## PROSES DAN KAEDAH PEMBELAJARAN TAHFIZ

Pendidikan tahfiz merujuk kepada salah satu cabang kepada pendidikan al-Quran. Kecemerlangan pendidikan tahfiz memerlukan kaedah pembelajaran yang berkesan. Kaedah dan proses pembelajaran tahfiz yang berkesan telah dibincangkan oleh Al-Qabisi dalam penulisan Al-Na`miy (1994). Al-Qabisi telah menghuraikan dengan jelas tentang kaedah pembelajaran tahfiz yang dapat membantu proses hafazan murid, antaranya pembelajaran dengan menggunakan pelbagai deria. Penggunaan pelbagai deria dapat meningkatkan daya ingatan berbanding dengan penggunaan satu deria sahaja. Oleh itu, kaedah menghafaz yang berkesan haruslah melibatkan penggunaan pelbagai deria antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis ayat al-Quran bagi memantapkan dan mengukuhkan hafazan al-Quran (Al-Na`miy, 1994). Secara khusus, Al-Qabisi mengusulkan satu teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang memberi fokus kepada beberapa aspek penting. Antaranya ialah aspek kaedah pembelajaran dan kaedah penilaian. Kaedah pembelajaran merangkumi kaedah *talqin* (mengajar), *takrar* (mengulang), *al-mail* (cintakan al-Quran) dan *al-fahmu* (kefahaman) serta penglibatan pelbagai pancaindera seperti pendengaran, penglihatan, bacaan dan penulisan dalam proses menghafaz sebagaimana yang dihuraikan di atas. Kaedah *al-fahmu* atau memahami ayat yang dihafaz ialah satu kaedah untuk membantu murid memahami ayat *mutasyabih* (ayat samar-samar), ayat *wahm* (sukar difahami) dan ayat *tikrar al-lafzi* (pengulangan kalimah). Namun begitu kajian oleh Zakaria, Che Noh dan Ab Razak (2018) tentang amalan pembelajaran pelajar tahfiz di institusi tahfiz swasta mendapati kaedah ini sangat kurang dipraktikkan pelajar. Hafazan ayat al-Quran tanpa kefahaman makna merupakan satu perkara yang rugi kerana *tadabbur* al-Quran atau memahami al-Quran bukan sahaja meningkatkan kelancaran hafazan tetapi juga memberi kesan positif kepada murid dalam menghadapi realiti kehidupan setelah tamat pengajian. *Tadabbur*

atau kefahaman ayat dapat membantu mendapatkan kekhusyukan serta menyempurnakan hakikat al-Quran sebagai petunjuk dalam kehidupan manusia (Mat Jafri, Mohd Saad dan Mohamad, 2018). Dapatan kajian oleh Zakaria et al. (2018) selari dengan kajian Abdul Rahim, Borham, Hashim dan Hashim (2018) yang mendapati sebanyak 66.3% murid mendapat skor yang rendah iaitu antara skor 0-5 dalam konteks menterjemah ayat al-Quran. Hanya 6.3% yang mendapat skor tinggi iaitu 8-10 manakala sebanyak 27.5% mendapat skor sederhana iaitu 6-7. Seterusnya, aspek penilaian yang ditekankan oleh Al-Qabisi meliputi penilaian harian, mingguan dan penilaian akhir. Aspek penilaian ialah aspek yang tidak boleh dipinggirkan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz kerana ia merupakan petunjuk penting kepada pencapaian kualiti hafazan (Al-Na`miy, 1994). Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian yang dijalankan ini, aspek penilaian ini tidak diteroka dan pengkaji hanya memberi fokus kepada aspek kaedah dan proses pembelajaran yang dilalui oleh murid tahfiz.

Dalam usaha memudahkan proses pembelajaran tahfiz, teknik menentukan kadar hafazan, penggunaan mushaf khas, penggunaan suara berirama, memberi tumpuan terhadap ayat *mutasyabihat* dan ayat susah, teknik menghafaz lima ayat, teknik gambaran atau peta minda ayat al-Quran serta kesesuaian pemilihan waktu adalah antara kaedah atau teknik yang disarankan dalam pembelajaran tahfiz. Semua kaedah ini merupakan antara kaedah atau teknik yang biasa, mudah dan sesuai digunakan dalam kalangan murid aliran tahfiz (Hashim et al., 2013). Penggunaan pelbagai kaedah, teknik dan aktiviti perlu digabungkan bagi meningkatkan kualiti hafazan al-Quran (Hashim et al., 2014).

Selanjutnya, kajian Abdullah, Safar, Mustari, Muhammad dan Ismail (2003) terhadap keberkesanan kaedah hafazan di Maahad Tahfiz Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan pula mendapati bahawa kaedah *tasmi'* dan menulis ayat menunjukkan keputusan yang tertinggi dalam keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Kaedah *tasmi'* merupakan kaedah yang utama digunakan dalam kalangan murid tahfiz bagi memudahkan hafazan mereka. Namun dapatan Abdullah et al. (2003) sedikit berbeza dengan dapatan Zakaria et al. (2018) yang menunjukkan bahawa kaedah menulis ayat sebelum dan selepas ayat al-Quran mencatat keputusan min yang sederhana. Kaedah menulis ayat ini turut disentuh oleh Al Hafiz dan Md Sawari (2018) ketika membincangkan tentang

strategi hafazan berkesan bagi memastikan kualiti hafazan murid. Selain daripada itu mereka juga turut menekankan kemurnian niat untuk mendapat keredaan Allah selain daripada kaedah kefahaman sebagaimana yang dinyatakan oleh pengkaji lain seperti yang dihuraikan sebelum ini. Ternyata pemilihan kaedah pembelajaran yang sesuai dan berkesan penting bagi meningkatkan pencapaian hafazan.

Selain daripada itu, kajian oleh Saleh, Hussin, Ismail, Abd Ghani, Yusoff dan Hussin (2017) menggunakan analisis dokumen yang disahkan oleh pakar iaitu penggunaan kaedah Fuzzy Delphi menjelaskan secara perinci tentang tiga proses utama dalam pembelajaran tahfiz murid. Tiga proses tersebut merujuk kepada sebelum menghafaz ayat baharu, semasa menghafaz dan proses mengingat hafazan lama. Secara ringkasnya setiap satu proses tersebut mengandungi beberapa aspek dan kaedah yang perlu digunakan murid. Antaranya penggunaan mushaf yang khas, kaedah pengulangan, kaedah membaca ayat secara lancar, kaedah membaca terjemahan ayat serta aspek pemilihan tempat menghafaz yang sesuai dan menentukan bilangan ayat yang ingin dihafaz. Ternyata kajian tersebut memberi huraian yang jelas tentang proses pembelajaran tahfiz yang perlu dilalui oleh murid.

Berdasarkan huraian tersebut, ternyata proses pembelajaran tahfiz perlu disokong dengan pelbagai kaedah yang betul, sesuai dan berkesan bagi membantu meningkatkan kualiti hafazan dan pemahaman murid terhadap al-Quran.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid yang berada di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes. Pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes dipilih kerana ia dapat menghuraikan satu kes atau fenomena tertentu iaitu aspek hafazan murid yang mengikuti aliran tahfiz dengan jelas merangkumi



aspek proses dan kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman dan pandangan peribadi (McMillan, 2004) murid serta dapat mengemukakan penerangan yang jelas dan menyeluruh (Creswell, 2003). Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan iaitu sampel yang dipilih dapat memberikan banyak maklumat serta dapat membantu menjawab persoalan kajian (Patton, 1987). Sampel yang dipilih terdiri daripada murid aliran tahfiz yang ditentukan ciri-cirinya. Seramai 12 orang murid aliran tahfiz terlibat sebagai peserta kajian yang dapat membantu memberikan maklumat yang banyak tentang kajian (Creswell, 2003). Murid tahfiz dipilih daripada murid yang mengikuti pembelajaran di sekolah menengah agama kerajaan iaitu sekolah yang menawarkan aliran tahfiz beserta dengan kurikulum pendidikan kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Murid tersebut telah mengikuti aliran tahfiz di sekolah yang disebut di atas sekurang-kurangnya dua tahun. Ini bermakna peserta kajian yang dipilih ialah daripada tingkatan 3 dan ke atas. Ini bermaksud mereka telah melalui pengalaman menghafaz dua tahun dan ke atas. Selain daripada itu, guru tahfiz turut terlibat sebagai data sokongan sekaligus berfungsi sebagai satu bentuk triangulasi data. Guru yang terlibat sebagai peserta kajian ialah guru yang mengajar dan mengendalikan sesi hafazan murid di sekolah menengah kebangsaan agama kerajaan serta berpengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam pengajaran tahfiz. Guru berkenaan tidak semestinya guru yang mengajar murid yang terpilih sebagai peserta kajian namun mereka adalah guru yang terlibat secara langsung dengan pembelajaran murid tahfiz. Murid dan guru tahfiz yang terlibat sebagai peserta kajian datang daripada tiga buah sekolah menengah agama kerajaan yang melaksanakan kurikulum kebangsaan dan kurikulum tahfiz.

Temu bual mendalam merupakan kaedah pengumpulan data yang digunakan bagi mendapatkan pengalaman dan pandangan peserta kajian. Temu bual mendalam ini dijalankan secara individu kepada peserta kajian. Soalan temu bual yang digunakan ialah soalan temu bual separa berstruktur iaitu soalan dirangka terlebih dahulu namun susunan soalan dikemukakan kepada peserta boleh diubah mengikut keadaan peserta tersebut (Dudley, 2005). Soalan tambahan dan soalan risikan boleh dikemukakan ketika sesi temu bual. Protokol temu bual telah disediakan terlebih dahulu yang berkisarkan soalan tentang proses dan kaedah murid menghafaz iaitu berkaitan dengan persoalan kajian yang ditentukan. Sesi temu bual dijalankan di sekolah secara bersemuka sesuai dengan masa lapang setiap peserta kajian.

Setiap satu sesi temu bual berlangsung antara 30 minit sehingga menjangkau tempoh satu jam setengah. Setiap sesi temu bual yang dijalankan akan dikodkan sebagai (TB) dan diikuti dengan kod guru atau murid. Kebolehpercayaan dapatan kajian kualitatif dilakukan dengan menjalankan triangulasi data (Patton, 1987) iaitu triangulasi peserta kajian. Peserta kajian terdiri daripada dua kelompok iaitu murid tahfiz yang dikodkan sebagai (MT) dan guru tahfiz dikodkan sebagai (GT). Nama sebenar peserta kajian dirahsiakan dan setiap peserta kajian diberi nama samaran menggunakan abjad bermula daripada abjad A. Aspek kesahan turut diambil kira dengan melakukan *members' check* dan *peer examination* (Moleong, 2000). *Members' check* ialah dengan meminta peserta kajian mengesahkan data temu bual yang telah ditranskripsi. Manakala *peer examination* pula dilakukan dengan meminta ahli penyelidik lain dalam kajian ini menyemak data yang diperolehi. Proses analisis data bermula setelah rakaman temu bual ditranskripsikan. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan analisis secara tematik bagi mengenalpasti tema-tema dokumen yang terdapat dalam transkripsi temu bual (Lebar, 2009). Untuk mengenalpasti tema bagi proses dan kaedah pembelajaran tahfiz, pengkaji akan menentukan berdasarkan soalan temu bual yang dikemukakan kepada peserta. Untuk setiap soalan berkaitan kaedah biasanya jawapan peserta adalah berkisar tentang kaedah yang digunakan dalam pembelajaran tahfiz. Begitu juga dalam konteks soalan berkaitan dengan proses peserta menghafaz biasanya peserta akan memberi fokus kepada proses mereka menghafaz. Walau bagaimanapun terdapat juga tema untuk proses dan kaedah hafazan bercampur dalam soalan yang sama. Oleh itu, pengkaji turut menjadikan teori dan penulisan literatur lepas sebaifai panduan untuk mengenalpasti tema dan membezakan antara kedua-dua persoalan kajian iaitu kaedah pembelajaran tahfiz peserta kajian dan aspek yang ditekankan ketika proses mereka menghafaz.

### DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan terdapat beberapa tema yang diperolehi berdasarkan persoalan kajian. Persoalan kajian pertama iaitu kaedah pembelajaran tahfiz didapati terdapat enam tema iaitu kaedah membaca, kaedah pengulangan, kaedah menggunakan mushaf khas, kaedah penguasaan hukum tajwid, kaedah memahami ayat dan yang terakhir kaedah penulisan ayat. Kesemua tema ini disebut secara jelas oleh peserta kajian ketika diminta untuk berkongsi

ilmu dan pengalaman yang dilalui oleh mereka setelah mengikuti pembelajaran tahfiz di sekolah. Manakala untuk persoalan kajian yang kedua, iaitu tentang proses pembelajaran tahfiz iaitu aspek yang ditekankan oleh peserta ketika proses menghafaz merangkumi beberapa tema utama. Tema tersebut ialah aspek disiplin, pemilihan tempat, pemilihan masa dan aspek bimbingan. Keempat-empat tema ini dikongsi dan diperkatakan oleh peserta kajian kerana ia sangat membantu mereka menghafaz ayat Al-Quran selain daripada kaedah yang betul dan sesuai. Huraian lanjut setiap tema bagi setiap persoalan kajian dikupas dengan jelas dan terperinci sebagaimana penulisan berikut.

### **Kaedah Pembelajaran Tahfiz**

Berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap 18 orang peserta kajian iaitu 12 orang murid dan enam orang guru tahfiz, terdapat beberapa kaedah pembelajaran yang dilaksanakan oleh murid. Antaranya ialah kaedah membaca, kaedah pengulangan, penggunaan mushaf khas, kaedah penguasaan hukum tajwid, kaedah memahami ayat dan kaedah penulisan. Oleh itu, terdapat enam tema untuk dapatan kajian tentang kaedah pembelajaran tahfiz murid.

### **Kaedah Membaca**

Kesemua peserta kajian yang ditemui menggunakan kaedah membaca sebelum memulakan proses menghafaz bagi memastikan hafazan lebih lancar dan senang diingat. Sebagai contoh, murid A (MT A) menyatakan, “Kalau ikut cara saya, kalau nak hafal ayat baru tu *first* kita baca ayat baru kita nak hafal tu kita baca tiga kali”. Sambungnya lagi, “Haa tiga kali supaya lancar menghafal.”

Ini disokong oleh murid B (MT B) tentang kaedah hafazan yang digunakan dalam proses menghafaz. Beliau selesa memilih kaedah membaca bagi membantu melancarkan hafazan. Beliau menyatakan, “Untuk ayat yang pertama saya hafal, mula-mula saya ingat saya baca satu *page* dulu. Saya baca keseluruhan, bagi lancar dulu.” Begitu juga dengan murid C (MT C) yang menyatakan bahawa kaedah hafazan mempunyai pelbagai kaedah. Ternyata beliau juga memilih kaedah yang sama dalam proses hafazan iaitu membaca terlebih dahulu. Murid C menyatakan, “Kalau macam saya, saya baca dulu satu muka surat tu. Macam mana semuka tu, biar lancar dulu. Lepas tu bila mulut dah biasa dengan ayat-ayat yang semuka tu, baru kita *start* hafal.”

Ternyata guru B (GT B) turut mengakui bahawa kaedah membaca merupakan kaedah terpenting bagi memudahkan pembacaan serta dapat melancarkan hafazan. Bacaan sangat ditekankan kerana ia kaedah awal sebelum memulakan hafazan, selebihnya terpulang kepada kemampuan murid dalam memilih kaedah yang sesuai bagi hafazan mereka. Pada dasarnya kaedah membaca sangat ditekankan kepada semua murid. Beliau menyatakan kepada pengkaji, “Satu, kita nak tengok dia punya bacaan, tengok, dia lancar. Satu dia nak menghafal pulak. Pelajar ni bila dia baca al-Quran dan lancar bacaannya akan jadi cantik, tajwid dia cantik, dia akan memudahkan proses hafazan.”

Proses membaca bukan sahaja dapat membantu mengingat malah dapat membantu membetulkan bacaan tajwid murid. Murid D (MT D) menyatakan perkara yang sama berkaitan dengan kaedah pembelajaran tahfiz yang juga menggunakan kaedah membaca terlebih dahulu sebelum proses menghafaz, beliau menjelaskan, “Yang saya ikut sekarang mula-mula baca satu muka surat yang nak dihafal, sebanyak yang mungkin. Baca dengan tengok sampai lancar. Baru hafal.” Begitu juga dengan murid E (MT E) yang menyatakan bahawa kaedah digunakan adalah berdasarkan kemampuan dirinya sendiri. Beliau memilih kaedah membaca terlebih dahulu bagi memastikan bacaan dan hafazan lancar sebagaimana kata beliau, “Baca *straight* sahaja, kalau tak ingat pun tak mengapa. Tengok sahaja, baca sambil tengok.”

Murid F (MT F) juga turut menjelaskan bahawa beliau lebih selesa membaca al-Quran di hadapan guru sebelum proses menghafaz selanjutnya. Beliau meluahkan pandangan:

“Kalau yang selesa bagi saya, yang mudah untuk saya menghafaz benda itu, mula-mula sekali saya akan pergi berjumpa dengan guru tasmik. Kita orang talaqi. Guru tasmik baca, kita ikut. Masa itu lah kita nak perbetulkan bacaan kita. Sebab apabila bacaan sempurna, jadi mudah untuk kita menghafaz. “(TB MT F)

Penjelasan murid F (MT F) turut dipersetujui oleh peserta kajian lain iaitu murid G (MT G) kerana beliau turut memilih kaedah membaca dalam proses menghafaz.

“Kalau saya, saya hafal dan baca dulu tau satu muka itu. Kitakan tak pernah baca ayat itukan. So nak terdedah

dengan ayat itukan. Pastu bila dah lancar dekat mulut, kadang-kadang bila kita tengok kita pun sangkut-sangkut lagi bacakan. Baca sampai lancar la.” (TB MT G)

Pendapat tersebut disokong oleh murid H (MT H) dengan menyatakan bahawa beliau menggunakan kaedah yang sama sebagai persediaan memulakan hafazan. Beliau menyakini kaedah membaca dapat melancarkan dan menguatkan hafazan sebagaimana luahan beliau, “Jadi saya sebelum Maghrib itu saya dah *start* baca apa yang nak hafal. Baca sahaja. Itu persediaan saya la. Baca sahaja. Baca banyak kali, bagi lancar, baca lancar.”

Bagi murid H (MT H), persediaan menghafaz merupakan proses terawal sebelum memulakan hafazan, beliau menyakini proses membaca akan mengukuhkan hafazan dan melancarkan bacaan. Menghafaz didahului dengan membaca secara berulang kali akan memudahkan hafazan kerana dapat membayangkan ayat yang akan dihafaz. Murid H (MT H) menjelaskan, “Baca sahaja semuka itu. Baca sahaja. Sudah lama itu, lepas Maghrib itu *start* hafal. Dalam 10 minit dah dapat semuka.”

Murid I (MT I) turut memberi pendapat bahawa kaedah hafazan mempunyai pelbagai cara terpulang kepada murid berdasarkan kesesuaian mereka. Beliau menggunakan pelbagai kaedah salah satunya ialah kaedah membaca. Beliau menyatakan kaedah membaca akan membantu menggambarkan ayat yang akan dihafaz. Hal tersebut akan memudahkan dan melancarkan hafazan al-Quran. Murid I (MT I) menyatakan, “Sebelum menghafaz saya akan baca keseluruhan ayat al-Quran beserta tafsirnya dan apabila dapat gambarnya, barulah saya mula menghafaz.”

Murid J (MT J) juga menitikberatkan kaedah membaca dan meneliti terlebih dahulu bacaan supaya dapat membantu melancarkan hafazan. Kata beliau, “Sebelum menghafal kena membaca dahulu, baca tengok dan baca sampai tahap betul-betul dah boleh hafal. Bila dah baca laju maka boleh menghafal. Maknanya baca dahulu, selepas itu menghafal dan mengulang.”

Begitu juga peserta kajian K (MT K), menyatakan pendapat yang sama tentang kaedah menghafaz al-Quran. Beliau menekankan aspek membaca terlebih dahulu sebelum menghafaz al-Quran yang bertujuan untuk melancarkan hafazannya. Beliau menyatakan,

“Baca ayat pertama, baca ayat kedua. Saya baca dulu seluruh ayat bagi saya lancar.”

Guru A (GT A) menjelaskan bahawa rata-rata guru menyarankan murid membaca terlebih dahulu. Beliau berpendapat bahawa kaedah yang sepatutnya digunakan oleh murid pada peringkat awalnya ialah kaedah membaca dan melihat, iaitu kaedah yang dapat membantu murid menggambarkan perkataan al-Quran bagi memudahkan hafazan mereka. Beliau berpendapat:

“Kalau sebelum menghafal itu kita minta pelajar itu dia baca satu mukasurat itu minima lima kali. Baca, tengok sambil kita perhatikan, kita perbetulkan baris, dari segi tajwid dia, dari segi kejelasan sebutan huruf setiap huruf itu. Dia kena betulkan dalam lima kali atau dia ada masa lebih lagi sepuluh kali ulangan secara tengok. Kemudian dia barulah mula menghafal.” (TB GT A)

Guru D (GT D) turut menggalakkan murid menggunakan kaedah membaca kepada murid agar murid dapat menghafaznya dengan lancar serta dapat mempercepatkan hafazan. Beliau menekankan bahawa, “Kaedah yang sering saya praktikkan pada murid adalah, sebelum menghafaz murid wajiblah membaca dahulu, faham apa yang dibaca, serta hayati dan amalkan.”

Huraian di atas jelas menunjukkan bahawa kaedah membaca adalah kaedah yang popular dan digunapakai oleh hampir kesemua peserta kajian sebagai salah satu kaedah pembelajaran tahfiz. Seramai 10 orang peserta kajian daripada kalangan murid yang menggunakan kaedah membaca bagi menghafaz ayat al-Quran. Di samping itu, daripada enam orang guru yang terlibat sebagai peserta kajian, tiga daripadanya bersetuju bahawa kaedah membaca penting bagi membantu murid menghafaz. Ini kerana bacaan yang lancar dan betul memudahkan murid untuk menghafaz ayat al-Quran.

### **Kaedah Pengulangan**

Kaedah pengulangan merupakan salah satu kaedah hafazan yang berkesan dalam kalangan murid aliran tahfiz. Kaedah tersebut memerlukan bacaan secara berulang kali apabila selesai melakukan proses membaca. Sebahagian besar peserta kajian menggunakan kaedah pengulangan dalam proses pembelajaran hafazan mereka.

Sebagai contoh Murid H (MT H) menyatakan, “Ooo. Kalau yang pasal kaedah tadi, ada pengetua beritahu sistem *Qadimah*, *Usbu'iyah*, itu. Setelah itu, Murid H (MT H) menyatakan secara terperinci tentang kaedah sistem *Qadimah* dan sistem *Usbu'iyah* dalam hafazan mereka. Ketelitian dalam peringkat hafazan sangat penting agar hafazan tidak mudah lupa. Pengulangan ayat lama (*qadimah*) sangat penting supaya ayat yang dihafaz dikekalkan dalam ingatan.

“Emm.Itu untuk kekalkan hafazan semua lah. Kalau dah habis juzuk, kitakan diberikan tiga hari kita kena baca satu juzuk itu dengan siapa-siapa jelah. Dengan guru, sejuzuk. Dah dapat lancar sejuzuk itu, baru boleh lepas ke juzuk yang seterusnya.”(TB MT H)

Murid H (MT H) juga turut menyatakan bahawa pengulangan haruslah dibuat secara kerap agar tidak mudah lupa iaitu, “Sambung-sambung sampai khatam. Dalam masa kita sambung itu kita kena ulang balik. Kita macam tarik-tarik.”

Hal ini disokong murid J (MT J), yang juga menggunakan kaedah sama iaitu melakukan proses pengulangan bacaan supaya dapat mengingati dengan cepat. Murid J (MT J) menjelaskan, “Waktu tasmik pula, perlu buat ulangan, ulangan di sekolah ini ada 2 jenis, ulangan yang baru dan ulangan yang lama.” Selanjutnya, murid K (MT K) meluahkan pendapat yang sama iaitu kepentingan pengulangan dalam hafazan sebagaimana beliau nyatakan, “Selepas itu saya *start* yang atas, saya baca saya ulang beberapa kali, saya pejam mata sekejap saya bayangkan ayat itu kemudian baru saya boleh baca balik.”

Guru E (GT E) juga sangat menekankan aspek pengulangan hafazan dalam pembelajaran tahfiz. Kaedah tersebut penting untuk mempercepatkan proses hafazan. Beliau berpandangan,

“Kena menghafaz, dan tekankan kepada murid kena mengulangi hafazan tersebut, ayat yang telah dihafaz, ulang. Baca bukan sekadar dimulut sahaja tetapi dihati. Kalau dibaca satu kali tidak cukup, mengikut kaedah mestilah sebanyak sepuluh kali ulangan.”(TB GT E)

Murid H (MT H) seterusnya mengakui dalam pembelajaran tahfiz, beliau banyak menggunakan kaedah pengulangan bacaan. Ayat perlu

dibaca berulang kali agar mudah diingati. Beliau menceritakan apa yang beliau lakukan, “Caranya memang kita akan sambung-sambung sampai khatam. Dalam masa kita sambung itu kita kena ulang balik. Kita macam tarik-tarik.”

Berdasarkan dapatan, terdapat empat orang peserta kajian yang menjelaskan bahawa kaedah pengulangan antara kaedah penting untuk membantu hafazan. Walaupun pengulangan memakan masa yang lama tetapi ia sangat membantu memperkuatkan hafazan murid.

### **Penggunaan Mushaf Khas**

Penggunaan satu mushaf khas adalah kaedah yang dipercayai boleh membantu murid mengekalkan hafazan. Sebilangan besar peserta kajian menggunakan kaedah tersebut. Bagi murid C (MT C) selain kaedah membaca beliau turut mempraktikkan kaedah menggunakan satu mushaf dalam pembelajaran tahfiz. Secara ringkas beliau menjelaskan, “Tapi biasanya untuk senang hafal dia kena, guna satu (mushaf) yang khusus sahaja, jangan tukar-tukar.” Begitu juga dengan murid L (MT L) menggunakan satu mushaf untuk mengukuhkan ingatan hafazannya, “Haah. Lebih baik gunakan Quran yang sama.”

Murid H (MT H) juga mengakui penggunaan satu kitab mushaf dalam menghafaz al-Quran kerana ia dapat membantu hafazan bermula daripada permulaan bacaan sehinggalah pengakhiran hafazan al-Quran. Ia juga merupakan salah satu adab hafazan. Beliau menyatakan, “Boleh tapi kalau ikut adab kalau kita dah *start* guna satu Quran itu guna sampai habis la.” Selain daripada murid, penggunaan mushaf tertentu juga ditekankan oleh guru A (GT A) dengan menyatakan kaedah hafazan yang sebetulnya memerlukan kepandaian serta strategi dalam memilih kaedah pembelajaran. Antara kaedah yang berkesan ialah mengekalkan satu mushaf al-Quran sahaja. Guru A (GT A) menjelaskan, “Makna kalau dekat sini kita bekal satu al-Quran sahaja. Kita ajar anak murid kita untuk guna satu al-Quran itu sampai khatam.”

Guru F (GT F) juga mengakui bahawa para guru sememangnya menggalakkan supaya semua murid menggunakan satu mushaf sahaja. Malah pihak sekolah juga mengambil inisiatif menyediakan naskah al-Quran untuk semua murid bagi menggalakkan mereka



menggunakan satu mushaf sahaja. Guru F (GT F) menjelaskan, “Digalakkan bila pakai satu Quran, guna Quran yang sama sampai bila-bila. Itu antara kaedahnya supaya bila dia hafal itu dia teringat. Muka surat mana dia teringat. Baris mana hujung ini.”

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat lima orang peserta kajian iaitu tiga orang murid dan dua orang guru mengakui bahawa kaedah penggunaan satu mushaf khas dapat membantu memudahkan menghafaz ayat. Murid akan dapat menggambarkan muka surat ayat yang dihafaz.

### **Penguasaan Hukum Tajwid**

Penguasaan hukum tajwid merupakan salah satu kaedah yang dititikberatkan dalam hafazan al-Quran. Setiap bacaan dan hafazan yang betul serta sempurna menjamin kualiti hafazan ayat al-Quran. Kepandaian dalam hukum tajwid membantu murid menghafaz al-Quran dengan betul. Namun begitu hanya beberapa orang peserta kajian yang menggunakan kaedah tersebut. Murid J (MT J) menyatakan, “Kemahiran yang lain adalah seseorang murid perlu mengetahui hukum-hukum tajwid, untuk memudahkan pembacaan dan penghafalan.”

Murid G (MT G) turut mengemukakan pendapat yang sama tentang kaedah menguasai hukum tajwid. Apabila hukum tajwid dikuasai, ini akan memudahkan dan melancarkan bacaan. Pihak sekolah sangat mementingkan hukum tajwid dalam hafazan murid sebagaimana yang dikongsi oleh murid tersebut:

“Ada kelas tajwid. Pastu nanti ustazah suka betulkan time kitaorang tasmik, makhraj “ra” bukan macam itu, dengung lagi, macam itulah. Ustazah betulkan time itu. Setiap hari ustazah akan tengok lah dah betul ke belum dengungnya.” (TB MT G)

Perkara sama turut dikemukakan oleh guru A (GT A) yang menekankan kaedah mengetahui asas hukum-hukum tajwid dalam al-Quran. Pengetahuan asas tajwid dalam bacaan al-Quran membantu untuk menyebut ayat al-Quran dengan sempurna. Beliau dengan jelas menegaskan, “Dia ada satu kemahiran tajwid asas dari segi baris, nun sakinah, nun mati, tanwin dan dari segi madnya dia tahula *basic-basic* itu.”

Berasaskan dapatan ternyata hanya tiga orang peserta kajian yang menyentuh tentang kaedah menguasai hukum tajwid bagi meningkatkan hafazan. Kaedah ini tidak ditekankan oleh ramai peserta memandangkan apabila disentuh tentang menguasai hukum tajwid ia meliputi aspek kaedah membaca yang telah dikemukakan sebagai kaedah paling banyak disebut oleh peserta kajian.

### **Kaedah Kefahaman**

Kaedah kefahaman atau memahami ayat al-Quran juga sangat berkesan dalam proses menghafaz al-Quran. Dua orang peserta kajian mengakui bahawa kaedah memahami maksud ayat sebelum proses menghafaz banyak membantu melancarkan hafazan al-Quran. Hafazan dengan memahami tafsir ayat akan lebih menyenangkan serta dapat membantu meningkatkan semangat hafazan. Antara pandangan peserta kajian H menyatakan, “Kaedah memahami tafsir ayat untuk memudahkan hafazan...kan, sebelum hafal itu kita bukak tafsir dulu, buka dulu tafsir yang kita nak hafal itu, bagi faham dia cerita pasal apakan. Selepas itu baru *start* hafal.” Murid H (MT H) selanjutnya menyatakan bahawa pemahaman tafsir membantu beliau menghafaz ayat terutamanya setelah membaca tafsir dan mengetahui cerita yang terkandung dalam ayat tersebut, ia sedikit sebanyak dapat memudahkan hafazan. Beliau menjelaskan:

“Mula-mula saya hafal yang tak ada tafsir. Selepas itu bila sampai tahap yang susah itukan, yang saya dah malas-malas baru saya buka tafsir, baca. Ada cerita-cerita, menarik lah. Lepas itu baru start hafal.” (TB MT H)

Guru D (GT D) juga mengakui proses memahami dan membaca tafsir sangat membantu murid dalam mengingati hafazan mereka dengan lebih cepat dan berkesan. Beliau meluahkan pandangan beliau, “Pada mulanya baca dan baca tafsirnya, apa yang Allah ingin sampaikan.”

Dapatan temu bual menunjukkan hanya dua orang peserta kajian yang menekankan kaedah kefahaman ayat iaitu dengan membaca tafsir bagi membantu hafazan.

### **Kaedah Penulisan**

Kaedah penulisan atau *tahriri* juga merupakan salah satu kaedah yang berkesan dalam hafazan al-Quran. Namun begitu, kaedah ini

kurang diaplikasikan oleh peserta kajian. Hanya dua orang peserta kajian yang memilih kaedah ini, kerana ia merupakan salah satu cara yang dapat membantu dalam proses hafazan al-Quran. Proses ini dilakukan apabila hafazan sudah diingati disusuli dengan kaedah *tahriri*. Kaedah ini akan memantapkan ingatan murid terhadap ayat yang dihafaz apabila disusuli dengan kaedah menulis, penulisan dibuat dengan menyalin semula ayat yang diingati di dalam buku. Murid J (MT J) menyatakan:

“Kaedah yang lain ialah *tahriri* iaitu menulis, kaedah ini lagi membantu mengingat iaitu perlu menghafal dan menulis ayat yang dihafal. Selain itu dapat membantu menulis serta mengeja apa yang dihafal. Bagi saya ingat betul-betul baru saya menulis beserta baris untuk mengetahui hukum tajwid.” (TB MT J)

Guru E (GT E) mengakui kaedah ini dititikberatkan dalam sistem pembelajaran agar murid bukan sahaja dapat menghafaz malah mempunyai kemahiran menulis tulisan Arab. Beliau menyatakan, “Kaedah *tahriri* selain itu murid dikehendaki menghafal dan menulis semula ayat yang telah dihafalnya. Iaitu kaedah *tahriri* dan kaedah mengulang.”

Kaedah penulisan sebagaimana kaedah kefahaman hanya disentuh oleh dua orang peserta kajian sahaja. Peserta kajian yang menyentuh tentang kaedah penulisan iaitu seorang murid dan seorang guru tahfiz. Murid berkenaan menulis ayat yang telah dihafaz bagi membantu mengukuhkan ingatan serta turut membantu kemahiran menulis bahasa Arab. Sementara itu, guru tahfiz juga menyatakan hal yang sama iaitu kaedah penulisan atau *tahriri* ialah satu cara pengulangan ayat yang telah dihafaz serta membantu menulis tulisan Arab dengan betul.

### **Proses Pembelajaran Tahfiz**

Proses pembelajaran tahfiz merujuk kepada situasi pembelajaran yang dilalui oleh peserta kajian iaitu murid tahfiz. Selain daripada aspek kaedah pembelajaran tahfiz, proses pembelajaran tahfiz meliputi aspek-aspek yang diperlukan untuk melancarkan pembelajaran tahfiz. Antara tema yang diperolehi untuk proses pembelajaran tahfiz ialah aspek disiplin, pemilihan masa, pemilihan tempat serta aspek bimbingan.

## Disiplin

Seramai lima orang peserta kajian terdiri daripada tiga orang murid dan dua orang guru yang menekankan aspek disiplin dalam proses pembelajaran tahfiz. Pembelajaran secara berdisiplin mengikut jadual waktu yang ditetapkan di sekolah akan menyempurnakan pembelajaran tahfiz. Jadual hafazan yang ditentukan oleh pihak sekolah adalah salah satu aspek disiplin yang diterapkan terhadap murid. Murid A (MT A) menyatakan:

“Kalau ikut jadual yang disediakan sekolah, kalau waktu sekolah pagi-pagi macam ini daripada pukul 7.30 sampai 9.30 untuk kita hafal Quran. Kalau kita cuti itu, kadang itu sabtu kalau buat sejam dari pukul 8-9 untuk baca Quran. Lepas itu mungkin pelajar boleh buat inisiatif sendiri untuk buat masa sendiri. Macam waktu petang kalau ada, selalunya kalau ada malas untuk beriadah ini dia akan baca Quran.” (TB MT A)

Murid D (MT D) juga menyatakan proses pembelajaran tahfiz sangat teratur kerana jadual hafazan disediakan oleh pihak sekolah. Setiap sistem dalam proses pembelajaran tahfiz perlulah diikuti supaya murid dapat mencapai matlamat hafazan dengan sempurna. Beliau menjelaskan, “Kelas hafazan pagi dari 7.30-9.30. Biasanya 2 jam lah. Kemudian kelas hafazan malam pula, 8.00-9.00 malam. Sekolah yang buat.”

Begitu juga murid H (MT H) menyatakan proses pembelajarannya di sekolah diatur oleh sistem jadual yang ditetapkan. Murid haruslah mengikuti setiap waktu yang telah ditetapkan di sekolah disusuli dengan jadual waktu pembelajaran yang disediakan sendiri. Proses pembelajaran akan lebih baik sekiranya aspek disiplin iaitu pengurusan masa dilaksanakan dengan baik. Beliau menyatakan, “Kalau yang pasal kaedah, ada pengetua beritahu sistem *Qadimah, Usbu’iyyah*.” Selain itu, murid H (MT H) juga memberi penjelasan bahawa sistem pembelajaran ditetapkan oleh pihak sekolah dan menyatakan kaedah yang digunakan olehnya secara teratur.

“Itulah sistem yang sekolah buat. Ada tiga kali bacaan lah. Mula kita tasmik baru, selepas itu kali kedua bacaan itu kita baca dengan ustaz, kita baca yang semalam

punya. Dalam tempoh yang seminggu itu, kita baca, tasmik hari rabu kita baca yang hari isnin dan selasa. Selepas itu, bacaan ketiga kita baca yang bulan lepas punya. Ataupun minggu lepas punya ke.” (TB MT H)

Perkara sama turut dikemukakan oleh guru E (GT E) yang memberi penjelasan tentang pematuhan terhadap jadual hafazan oleh murid di sekolah.

“Hari Isnin mestilah murajaah kembali matapelajaran yang hari Jumaat lepas. Manakala hari Selasa murajaah untuk hari Isnin, dan begitulah seterusnya. Dalam masa yang sama juga guru akan memperlbagai bacaan murid dengan cara menegur bacaan. Manakala yang ke- 3 ialah murajaah qodim. Iaitu murajaah yang lama. Murid diberi masa untuk murajaah matapelajaran yang lama serta mengingat kembali.” (TB GT E)

Guru F (GT F) menekankan tentang jadual yang diterapkan di sekolah bagi membantu hafazan murid. Jadual tersebut perlu diikuti secara konsisten bagi memperolehi pencapaian yang memuaskan.

“Saya akan baca satu muka itu selepas zohor dalam pukul 3.30 sampai lah Asar. Kemudian start menghafal itu selepas Maghrib. Sebab seelok-eloknya menghafal selepas Maghrib dan sebelum subuh. Sesi awal meghafal selepas Maghrib kalau dia tak habis hafal dia boleh sambung sebelum subuh. Tengah-tengah itu. Kemudian cara nak menghafal itu, mula dia dah habis lima kali round secara tengok itu kemudian dia kembali pada ayat yang pertama contoh alif lam mim, surah al-Baqarah.” (TB GT F)

Selain daripada jadual hafazan yang telah ditentukan sekolah, aspek disiplin ini turut merujuk kepada amalan pengurusan masa murid itu sendiri. Murid A (MT A) menekankan aspek menguruskan masa sendiri sekiranya berada di luar jadual waktu sekolah bagi meningkatkan hafazan al-Quran. Inisiatif pembelajaran perlu dilakukan secara berterusan supaya proses menghafaz sentiasa dilakukan. Murid A (MT A) berkongsi pendapat beliau, “Lepas itu mungkin pelajar boleh buat inisiatif sendiri untuk buat masa sendiri. Macam waktu petang kalau ada, selalunya kalau ada malas untuk beriadah ini dia akan baca Quran.”

Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai lima orang peserta kajian yang terdiri daripada tiga orang murid dan dua orang guru memberi fokus kepada aspek disiplin mengurus masa. Menurut peserta kajian, disiplin dalam mengikuti jadual waktu yang ditetapkan sekolah dan inisiatif sendiri mengurus masa juga akan meningkatkan pencapaian hafazan.

### **Pemilihan Masa**

Selain daripada aspek disiplin dalam jadual hafazan yang ditetapkan sekolah tahfiz dan pengurusan masa dalam kalangan murid, aspek pemilihan masa turut membantu proses pembelajaran hafazan. Guru A (GT A) menekankan bahawa proses pembelajaran tahfiz selepas waktu Maghrib atau mana-mana masa yang sesuai dengan murid itu sendiri. Masa yang ditentukan oleh pihak sekolah merupakan pemilihan masa yang sesuai untuk murid menghafaz ayat.

“Lepas Maghrib kita akan mula hafal. Satu muka selepas Maghrib sampai Isyak kita akan fokus satu muka untuk permulaan. Selepas itu dah habis hafal itu esok paginya lepas subuh pukul 7.20 tasmik dengan guru dekat sekolah sampai pukul 9.40.” (TB GT A)

Selain daripada pemilihan masa untuk menghafaz seperti yang ditentukan oleh pihak sekolah, terdapat juga aturan masa tambahan untuk murid. Guru A secara jelas mengemukakan inisiatif pihak sekolah untuk memilih masa tambahan di luar jadual hafazan bagi membantu murid yang memerlukan bimbingan.

“Ok. Macam ini, untuk pelajar ini kita panggil pelajar Musaadah Idhofiyah. Pelajar ini memerlukan bimbingan daripada guru. Jadi, di sini setiap hari Sabtu selepas solat subuh kami buat program untuk tasmik ayat jadid. Jadi ada guru yang ditugaskan setiap minggu hari Sabtu ada team-team guru. Kami minta kalau biasanya pelajar yang bukan dalam golongan bimbingan ini dia hanya tasmik lima kali sahaja seminggu. Jadi untuk pelajar yang bimbingan ini seminggu enam kali. Jadi hari Sabtu jadi hari sekolah dialah.” (TB GT A)

Begitu juga dengan guru B (GT B) menyatakan bahawa proses menghafaz yang baik adalah selepas waktu Maghrib khususnya

bagi murid yang lemah. Guru akan memastikan setiap murid akan berjaya menghabiskan hafazan mereka sehinggalah mereka mengkhatamkan al-Quran. Beliau menyatakan, “Masa menghafaz adalah waktu selepas Maghrib. Bagi murid yang lemah nak pastikan murid khatam al-Quran.”

Aspek pemilihan masa dalam membantu proses pembelajaran tahfiz hanya disentuh oleh dua orang peserta kajian iaitu daripada kalangan guru tahfiz.

### **Pemilihan Tempat**

Proses pembelajaran tahfiz dalam kalangan peserta kajian turut menekankan aspek pemilihan tempat. Menurut peserta kajian dalam kalangan murid iaitu murid L (MT L) menyatakan bahawa pemilihan tempat dan suasana yang baik akan menambahkan lagi kekhusyukan dalam menghafaz al-Quran.

“Biasanya tempat ada orang ke tak ada orang ke tak apa, asal bergema tempat tu. Kita baca, kita dapat dengar balik. Saya jenis macam itu. Suka mendengar bacaan sendiri. Ha, kalau saya ini jenis suka bekerja dengan orang. Tak boleh duk sorang. Kena ramai-ramai. Kalau nak buat apa-apa pun mesti ramai-ramai.” (TB MT L)

Seterusnya murid H (MT H), menjelaskan bahawa proses pembelajaran tahfiz beliau banyak dipengaruhi oleh keadaan dan suasana yang sesuai. Beliau lebih sesuai menghafaz di tempat yang sunyi supaya hafazan dapat diingati dengan cepat. Ini yang beliau kongsi, “Yang ini ikut orang la. Kalau macam saya, saya lebih suka tempat yang macam sunyi sikit lah. Tak ada orang.”

Aspek pemilihan tempat bagi membantu proses pembelajaran tahfiz hanya dikemukakan oleh dua orang peserta kajian iaitu murid tahfiz. Pemilihan tempat yang sesuai dan kondusif membantu proses hafazan mengikut kesesuaian murid.

### **Kelas Bimbingan**

Selain daripada aspek disiplin, pemilihan tempat dan masa, aspek kelas bimbingan juga antara aspek yang signifikan dalam melancarkan proses pembelajaran tahfiz. Menurut murid L (MT L),

proses pembelajaran sangat penting dan setiap proses pembelajaran mempunyai peraturan supaya murid dapat mengikuti pembelajaran dengan berkesan. Peserta kajian menekankan tentang pembelajaran yang dijalankan di sekolah. Proses bimbingan sangat penting supaya semua murid dapat membaca bersama-sama dan secara langsung dapat membantu murid yang lemah. Murid L (MT L) menyatakan, “Ha, kita orang dibahagi kepada beberapa halaqah. Sebelum dibahagikan kepada halaqah itu ada seorang ustaz yang membimbing kami.”

Ini disokong oleh guru D (GT D), yang menekankan dalam pembelajaran tahfiz perlu ada tahap pembelajaran serta mengambil kira murid yang lemah. Murid yang agak lemah akan diberi perhatian menerusi kelas bimbingan serta pemantauan berterusan daripada guru.

“Kelas *musaadah* mingguan, bagi murid yang tidak mencapai tahap hafazan *muqarrar*, biasanya dibuat hujung minggu iaitu hari sabtu, kelas tambahan. Persediaan bagi murid untuk hafazan hari esok. Pemantauan juga dibuat bagi memastikan murid betul-betul menghafaz.” (TB GT D)

Dapatan temu bual menunjukkan hanya dua orang peserta kajian yang menekankan aspek kelas bimbingan dalam membantu proses pembelajaran tahfiz murid. Kelas bimbingan ini merujuk kepada bimbingan tambahan seperti kelas tambahan bagi membantu murid yang agak lemah dalam menghafaz ayat al-Quran.

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kaedah pembelajaran tahfiz yang direkodkan berdasarkan dapatan kajian merangkumi enam kaedah iaitu kaedah membaca, pengulangan, menggunakan mushaf khas, menguasai hukum tajwid, kaedah kefahaman dan kaedah penulisan. Kepelbagaian kaedah yang digunakan ini selari dengan dapatan kajian Farah Ilyani et al. (2018) yang menunjukkan bahawa kepelbagaian strategi dan kaedah untuk menghafaz dalam kalangan pelajar di institusi tahfiz swasta. Berdasarkan enam kaedah tersebut, kaedah membaca paling banyak disebut oleh murid dan guru tahfiz iaitu seramai 13 orang berbanding 18 orang yang ditemui bual. Kaedah membaca memberi penekanan



kepada kelancaran membaca ayat al-Quran yang sangat membantu hafazan murid. Kaedah membaca ialah kaedah yang diusulkan oleh Al-Qabisi (Al-Na`miy, 1994) disebut sebagai kaedah *talqin* dan turut disebut oleh Muhammad Hafiz et al (2017) sebagai salah satu kaedah yang sangat perlu bagi memastikan hafazan murid betul-betul lancar. Seterusnya kaedah pengulangan juga kaedah yang digunakan murid setelah kaedah membaca. Kaedah pengulangan ini dikemukakan oleh Al-Qabisi (Al-Na`miy, 1994) secara jelas yang dikenali sebagai *takrar*. Kaedah pengulangan tersebut turut disentuh oleh Saleh et al. (2017) dalam kajian beliau ketika membangunkan teknik berkesan hafazan menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi. Pengulangan sangat penting bagi memastikan ayat yang dihafaz benar-benar diingati dan ini menuntut fokus yang tinggi dalam kalangan murid. Selain daripada itu, kaedah menggunakan satu mushaf khas juga menjadi pilihan dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan. Penggunaan satu mushaf khas tidak disebut secara langsung oleh Al-Qabisi (Al-Na`miy, 1994) namun direkodkan oleh Hashim et al. (2013) menerusi kajian beliau bahawa ia antara kaedah yang banyak digunakan oleh murid tahfiz serta didapati berkesan dalam membantu proses hafazan.

Selanjutnya kaedah menguasai hukum tajwid, kaedah kefahaman dan penulisan ayat antara kaedah yang kurang diaplikasikan oleh murid dalam pembelajaran tahfiz mereka. Penguasaan hukum tajwid secara umumnya berkaitan dengan kaedah membaca sebagaimana yang telah disebut oleh murid dan guru tahfiz sebelum ini yang menyebabkan mereka tidak menekankan kaedah menguasai hukum tajwid ini. Sementara itu, kaedah kefahaman sangat kurang digunakan oleh murid tahfiz sedangkan kaedah kefahaman disarankan oleh Al Hafiz dan Md Sawari (2018). Dapatan kajian ini sama dengan kajian Mohamad Marzuqi et al (2018) yang mendapati majoriti murid iaitu 66.3% memperoleh skor rendah dalam terjemahan ayat Al-Quran yang sekaligus menunjukkan murid sangat kurang memilih kaedah memahami ayat ketika menghafaz. Sedangkan tadabbur atau kefahaman ayat dapat membantu murid mendapat kekhayusan serta membantu mereka memahami petunjuk di dalam Al-Quran seterusnya dapat diterjemahkan dalam kehidupan (Mat Jafri et al., 2018). Selain daripada kaedah kefahaman, kaedah penulisan atau *tahriri* juga kurang dipilih oleh murid tahfiz. Menulis ayat yang akan dihafaz dan telah dihafaz menuntut ketekunan dan tambahan masa daripada murid lalu menyebabkan murid kurang memilih kaedah ini. Walaupun pada hakikatnya, kaedah penulisan ayat ini adalah

antara strategi yang dikongsikan oleh Al Hafiz dan Md Sawari (2018) bagi meningkatkan pencapaian kualiti hafazan murid selain daripada kaedah yang lain. Murid tahfiz didapati lebih cenderung memilih kaedah membaca, pengulangan dan menggunakan mushaf yang khas. Dapatan ini sama dengan dapatan yang diperolehi oleh Zakaria et al. (2018) iaitu kaedah menulis ayat sebelum dan selepas ayat al-Quran mencatat keputusan min sederhana dalam kalangan pelajar tahfiz di institusi tahfiz swasta yang dikaji.

Proses pembelajaran tahfiz berdasarkan dapatan kajian meliputi aspek disiplin mengurus masa, pemilihan masa, pemilihan tempat dan aspek kelas bimbingan. Walau bagaimanapun, aspek disiplin mengurus masa lebih banyak ditekankan oleh murid dan guru tahfiz yang ditemu bual. Disiplin merujuk kepada kemampuan murid untuk mengikuti jadual yang ditetapkan oleh pihak sekolah serta mampu juga menyusun waktu hafazan sendiri. Aspek disiplin dalam proses pembelajaran tahfiz ialah sesuatu yang signifikan sebagaimana ditegaskan oleh Al-Qabisi (Al-Na`imy, 1994) menerusi kaedah *takrar* atau pengulangan. Kaedah *takrar* atau pengulangan merupakan petunjuk yang jelas kepentingan aspek disiplin dalam kalangan peserta kajian apabila mengikuti pembelajaran tahfiz.

Manakala aspek pemilihan tempat dan masa sangat kurang disebut oleh peserta kajian tetapi ia direkodkan oleh Hashim et al. (2013) sebagai aspek yang dapat membantu proses pembelajaran. Ini disebabkan aspek ini kurang menyumbang kepada proses hafazan khususnya dalam meningkatkan pencapaian hafazan. Seterusnya aspek bimbingan dalam proses pembelajaran tahfiz turut disebut kerana ia boleh membantu murid lemah. Bimbingan ini dilaksanakan bagi memastikan murid yang agak lemah tidak keciciran dalam proses pembelajaran tersebut. Kelas bimbingan ini merujuk kepada kelas tambahan untuk murid yang memerlukan masa tambahan bagi menghafaz. Aspek bimbingan ini hanya boleh dijalankan apabila pembelajaran tahfiz melaksanakan penilaian harian dan mingguan sebagaimana yang dikemukakan oleh Al-Qabisi (Al-Na`imy, 1994).

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid lebih tertumpu kepada kaedah membaca dan pengulangan. Kedua-dua kaedah tersebut lebih banyak dikongsikan

oleh murid berbanding kaedah yang lain seperti penggunaan satu mushaf, penguasaan hukum tajwid, kaedah kefahaman dan penulisan. Manakala kaedah kefahaman dan kaedah penulisan sangat kurang diberikan perhatian. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran tahfiz lebih menekankan aspek hafazan tanpa memahami ayat yang dihafaz. Kaedah membaca dan pengulangan tidak dapat dipertikaikan sangat berkesan bagi memantapkan kualiti hafazan namun kurang dapat meningkatkan kefahaman ayat yang dihafaz. Seterusnya proses pembelajaran tahfiz diakui oleh murid memerlukan aspek disiplin iaitu pengurusan masa yang berkesan. Manakala aspek pemilihan tempat, pemilihan masa dan bimbingan kurang diberi tumpuan kerana ia bersifat sokongan sahaja. Aspek disiplin khasnya pengurusan masa sangat diperlukan bagi memastikan pencapaian matlamat hafazan yang ditetapkan. Secara keseluruhannya boleh dirumuskan bahawa proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di beberapa sekolah menengah agama kerajaan jelas menunjukkan bahawa aspek hafazan ayat ditekankan. Namun agak mengecewakan kerana aspek kecintaan dan kefahaman tentang ayat yang dihafaz tidak diberi tumpuan sewajarnya. Kajian ini memberi implikasi penting agar proses dan kaedah pembelajaran tahfiz pada masa akan datang bersifat menyeluruh iaitu bukan sahaja menekankan aspek hafazan tetapi juga memahami dan menghayati ayat yang telah dihafaz. Perkara ini penting bagi melahirkan generasi murid tahfiz yang seimbang dalam aspek jasmani, intelek dan rohaninya. Kajian ini turut menyumbang kepada pihak sekolah tahfiz, guru dan murid tahfiz itu sendiri agar memberi fokus kepada aspek penting dalam proses dan kaedah pembelajaran tahfiz iaitu aspek hafazan dan pemilihan kaedah yang sesuai, berkesan serta holistik agar hafazan dan kefahaman ayat diperolehi.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini ditaja oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), no Pusat Kos 5524384 dan no Kod Projek 06-02-13-1303FR.

## RUJUKAN

Abd Rahim, M. M. (2008). *Pengajaran mata pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah*.

- (Kertas Projek Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Abd Rahim, M. M., Borham, A. A., Hashim, A., & Hashim, I. (2018). Ability in comprehending meaning of the Quranic verses among tahfiz students. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(11), 1646-1656.
- Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). *Keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz*. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Ahmad, N. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke arah memartabat pendidikan tahfiz di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz kali ke IV pada 1- 3 Jun di Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Ahmad, R. (2000). *Kelemahan membaca al-Quran dan Jawi pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh*. (Kertas Projek Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Al Hafiz, M. M., & Md Sawari, S. S. (2018). Managing standardize memorization strategy in tahfiz centres: A guideline for quality performance in Qur`anic memorization. *International Journal of Research*, 5(16), 1409-1417.
- Al-Na`miy, Abdullah Al-Amin. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibnu Khaldin dan al-Qabisi*. Mohd Ramzi Omar (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Noh, M., A. (2004). *Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu Zon Pudu Kuala Lumpur*. (Projek penyelidikan sarjana yang tidak diterbitkan) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Dudley, J. R. (2005). *Research methods for social work: Becoming consumers and producers of research*. Boston: Allyn & Bacon.
- Hashim, A. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz Al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri*. (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Hashim, A., Jemali, M., Tamuri, Ab., A., & Che Noh, M. A. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 73-82.
- Hashim, A., Tamuri, Ab. A., & Jemali, M. (2013). Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 28-39.
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Tengku Puji, T. I. Z., & Yusof, N. H. (2017). Strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz Al-Quran di Malaysia: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, 55-65.
- Jemali, M., & Hafidz, A. S. (2003). *Hubungan antara teknik menghafaz al-Quran dengan pencapaian kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak*. Seminar Teknik pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan, Kolej Universiti Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Lebar, O. (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mat Jafri, M. T., Mohd Saad, M., & Mohamad, S. (2018). Keutamaan amalan tadabbur al-Quran terhadap pelajar tahfiz. *Jurnal al-Turath*, 3(2), 16-21.
- Mat Salleh, M. N. (2007). Pencapaian tilawah al-Quran melalui program j-Qaf bagi murid-murid sekolah rendah daerah Setiu, Terengganu. *Muaddib Jurnal Penyelidikan*, 5, 101-120.
- McMillan, J. H. (2004). *Educational research fundamentals for the consumer*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Mohd Fakhruddin, F., Mohd Ayub, A. F., Che Hassan, N., Abd Mutalib, L., & Wan Jaafar, W. M. (2018). *Perkembangan dan perspektif pembelajaran tahfiz di Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM.
- Mohd Hani, F. (2000). *Kemahiran membaca nun sakinah di kalangan pelajar tingkatan tiga di sekolah menengah di daerah Petaling*. (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Moleong, L. J. (2000). *Metodologi penelitian kualitatif*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Nordin, R. M. (2000). Penguasaan kemahiran membaca al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan Gurun

- Kedah Darul Aman. (Latihan Ilmiah). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Patton, M.Q. (1987). *How to use qualitative methods in evaluation*. Newbury Park, California: SAGE Publications, Inc.
- Saleh, M. H., Hussin, Z., Ismail, Z., Abd Ghani, Z., Yusoff, A. M., & Hussin, H. (2017). Developing an effective Quran memorization technique using Fuzzy Delphi method. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 7(1), 10-15.
- Yahaya, M., Rasheed, Z. N., & Selamat, A. F. (2018). Isu dalam pendidikan tahfiz: Satu analisis. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor.
- Zakaria, F., I., Che Noh, Z., & Abd Razak, K. (2018). Amalan pembelajaran pelajar tahfiz di institusi tahfiz swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(3), 141-148.